

ANALISIS KEPERLUAN WARGA EMAS TERHADAP PENDIDIKAN PONDOK: KAJIAN DI PONDOK RAHMANIAH LUBUK TAPAH

Safinah Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak,
Noor Atika Shafinaz Ahmad Nazri

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

safinah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Keperluan warga emas terhadap pondok adalah penting untuk mereka meneruskan proses menuntut ilmu, mendekati diri kepada Allah dengan menghayati dan beramal dengan ilmu-ilmu tersebut. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengemukakan keperluan warga emas terhadap pondok secara umum seterusnya membincangkan secara khusus terhadap keperluan warga emas di pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan (Jika tak digugurkan nama lokasi, boleh tukar kepada sebuah pondok sahaja). Metodologi kajian adalah didominasi interpretatif atau kualitatif melalui kaedah temubual secara bersemuka. Ia diadakan dengan menggunakan soalan separa berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan keperluan warga emas secara umum adalah dari aspek motivasi, tempat tinggal, kerohanian, dorongan kasih-sayang dan keselamatan. Manakala di sudut responden di pondok Lubuk Tapah adalah keperluan kewangan, ilmu, ketenangan jiwa, berjemaah, kemudahan, kebajikan dan kepelbagaian aktiviti.

Kata kunci: Keperluan, Warga Emas, Pondok, Lubuk Tapah

1. PENDAHULUAN

Kecerdasan rohaniah adalah diperlukan dalam mendepani cabaran semasa. Kitaran kehidupan manusia bermula dari bayi, remaja, dewasa dan tua sudah tentu akan berhadapan dengan rintangan terutamanya kepada golongan warga emas. Warga emas difahami sebagai golongan manusia tua atau yang memiliki usia lanjut. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (2006) mentakrifkan golongan warga emas sebagai penduduk yang berumur 60 tahun ke atas. Menurut laporan KKM (2006) juga sebanyak 5.7% dari jumlah penduduk di Malaysia atau 745,200 pada tahun 1980 adalah terdiri daripada golongan warga emas. Peratus ini telah meningkat ke 6.2% atau 1.5 juta pada tahun 2000 dan dijangka akan mencapai 10% atau 3.4 juta menjelang tahun 2020 (Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Safinah Ismail. 2016).

Keperluan warga emas terhadap pondok adalah merupakan asas yang penting. Di sana, mereka melalui proses menuntut ilmu, mendekati diri kepada Allah dengan menghayati dan beramal dengan ilmu-ilmu tersebut.

2. PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia berlakunya pengabaian warga emas disebabkan sikap masyarakat yang telah dijajah oleh aspek imperialisme individualistik dan materialisme yang cukup kuat. Masyarakat moden kini lebih mengejar kebendaan dan kekayaan daripada nilai sebuah kasih sayang. Kadangkala mereka meninggalkan warga tua ini bersendirian di rumah seharian dari pagi hingga ke malam. Perbuatan ini secara tidak langsung telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap jiwa golongan tua ini. Mereka akan merasakan diri mereka tidak diperlukan lagi. Perasaan ini akan mengakibatkan warga tua ini merajuk dan cuba melarikan diri daripada permasalahan itu dengan keluar daripada rumah dan berjalan-jalan tanpa tujuan (Anon, 2015).

Golongan warga emas ini menghadapi pelbagai cabaran dan kesulitan dalam kehidupan sedangkan mereka masih diperlukan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Oleh yang

demikian, perlu disediakan satu institusi yang dapat membantu mereka menghadapi pelbagai cabaran dan kesulitan hidup tersebut. Antara institusi yang bersesuaian kepada warga emas adalah pondok kerana kebanyakan warga emas di Malaysia memilih pondok untuk meneruskan kehidupan mereka. Bagi warga emas, tempat yang terbaik untuk pengisian rohani adalah di pondok kerana di sana mereka disediakan santapan rohani untuk bekalan akhirat. Persoalannya apakah keperluan yang menyebabkan warga emas memilih pondok? Justru, kajian ini dilakukan untuk meneroka keperluan golongan warga emas ini memilih pondok sebagai tempat tumpuan mereka.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian ini:

- i. Meninjau keperluan warga emas terhadap pondok.
- ii. Meneroka keperluan warga emas terhadap pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan.

4. METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai reka bentuk kajian, metode pengumpulan data, pemilihan sampel kajian, proses pengumpulan data dan analisis data temubual.

Reka Bentuk Kajian

Modus penelitian yang didominasi interpretatif atau kualitatif. Pendekatan kualitatif ini sesuai dijalankan untuk penyelidikan kerana ia berdasarkan pada pengalaman individu. Cara individu menciptakan, memodifikasi dan menafsirkan dunia sosial yang mereka tempati adalah tujuan utama dalam mencari pemahaman tersebut. Oleh kerana itu, data yang dikumpul dan dianalisis memiliki signifikansi kualitatif (Bogdan dan Biklen 1998) maka kajian ini juga sesuai menggunakan kaedah kualitatif

4.1 Metode Pengumpulan Data

Kajian ini melibatkan pondok yang menempatkan warga emas dan mempunyai kelas-kelas pengajian berkitab. Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan. Pondok yang dipilih mempunyai kriteria berikut:

- i. Mempunyai warga emas.
- ii. Menjalankan program pendidikan atau pengajian yang menggunakan kitab-kitab khusus.

Bagi tenaga pengajar pula kriteria berikut menjadi pilihan:

- i. Mengajar di pondok.
- ii. Berada di pondok lebih dari dua tahun

Manakala bagi warga emas pula kriteria berikut menjadi pilihan:

- i. Menghuni di pondok yang dipilih.
- ii. Menghuni selama lebih dari dua tahun.

4.2 Profil Pondok

Pondok Lubuk Tapah atau Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah diasaskan oleh Tuan Guru Hj. Abdul Rahman Hj. Che Wan atau Baba pada tahun 1931. Beliau pernah menghasilkan tiga buku panduan agama bertajuk “Pedoman Solat Jemaah”, “Kelabaan Masa” dan

“Kemanisan Sembahyang”. Buku ini turut dijadikan panduan pelajar di samping ilmu Feqah, Tafsir, Hadis, Tasawwuf, Sejarah Islam, Tauhid, Usul, Balaghah, Nahu, Qiraat, Mantiq, Soraf, Tajwid, Akhlak, Sirah dan semua kitab tua. Penyelia pondok ini, Dr. Hj. Loqman Abdullah pernah belajar di Pondok Lubuk Tapah dan Sekolah Menengah Arab Pasir Mas serta Universiti Malaya cawangan Nilam Puri, Kota Bharu sebelum melanjutkan pengajian di England. Kemudian beliau menjadi pensyarah di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Guru yang mengajar di sini seramai 30 orang dengan 200 pelajar termasuk 100 warga emas. Antara bekas pelajar yang berjaya ialah Hj. Abdul Rahman Omar, Imam Mukim Lubuk Tapah dan Dr. Zain Daud, seorang Pensyarah bahasa di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

4.3 Demografi Responden

Berikut ialah demografi responden dengan menggunakan nama samaran bagi memelihara privasi dan sensitiviti.

Jadual 1.0: Lubok Tapah (Kelantan)

| No. | Nama | Jantina | Tempoh | Kedudukan |
|-----|-------------------|---------|---------|-----------------|
| 1 | Pentadbir | Lelaki | 9 tahun | Pentadbir |
| 2 | Tenaga Pengajar 1 | Lelaki | 6 tahun | Tenaga pengajar |
| 3 | Tenaga Pengajar 2 | Lelaki | 2 tahun | Tenaga pengajar |
| 4 | Pakcik 1 | Lelaki | 2 tahun | Warga emas |
| 5 | Pakcik 2 | Lelaki | 2 tahun | Warga emas |
| 6 | Imam | Lelaki | 4 tahun | Imam |

4.4 Proses Pengumpulan Data

4.4.1 Temu Bual

Menurut Fontana (1994) temubual merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian tinjauan. Ia sama dengan kaedah soal selidik dalam banyak aspek, Cuma perbezaannya ialah cara melaksanakan kajian, iaitu temubual dilakukan secara lisan, dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis, melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain.

Bagi kajian ini, kaedah temubual secara bersemuka telah diadakan. Fokus temubual adalah di sekitar objektif kajian iaitu keperluan warga emas terhadap pondok. Terdapat beberapa etika dalam menjalankan temubual yang perlu dipatuhi iaitu mendapat kebenaran daripada responden untuk ditemubual, soalan temubual tidak menyusahkan responden, tidak bersifat ofensif atau provokasi, tiada paksaan menjawab dan menjaga kerahsiaan.

4.4.2 Kebolehpercayaan Maklumat

Dalam memproses maklumat selepas temubual, pengkaji akan menjalankan beberapa langkah bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah benar. Antara langkah yang diambil adalah transkrip bahan, menanyakan kepada responden untuk melihat semula transkrip verbatim dan menandatangani surat kebenaran guna bahan.

4.4.3 Analisis Data Temubual

Untuk menganalisis data, penyelidik akan menggunakan kaedah bertema. Kaedah analisis bertema adalah satu kaedah asas untuk menganalisis kajian kualitatif (Braun dan Clarke,

2006). Bagi kaedah ini, penyelidik tidak menggunakan kaedah Nvivo kerana banyak masa yang perlu diperuntukkan untuk menggunakan Nvivo dan akan menjejaskan perancangan yang telah disediakan lebih awal oleh penyelidik, sedangkan semua jawapan kepada persoalan kajian dapat dijawab dengan analisis secara bertema sahaja. Tambahan pula, Welsh (2002) menyatakan Nvivo kurang berguna dalam isu validasi dan reliabiliti bagi menentukan tema perbincangan. Ini kerana pengkaji lebih mengetahui perkara yang ingin dikaji berbanding Nvivo.

Justeru, selepas selesai temubual dengan responden, transkrip telah dilakukan ke atas rakaman audio yang melibatkan dua penguasa, seorang guru dan lapan pelatih. Setiap transkrip diberikan nama samaran tertentu agar kerahsiaan terpelihara. Untuk memastikan keselarian rakaman dengan transkrip sebenar, transkrip dibaca berulang kali sambil memperdengarkan rakaman audio.

Transkrip diasingkan mengikut lokasi dan kumpulan sasaran bagi memudahkan analisis dilakukan. Cara untuk menganalisis dilakukan dengan mengenal pasti pandangan responden dan melaporkan sama seperti yang mereka nyatakan dalam temubual. Kemudian, tema dikenal pasti melalui persoalan kajian yang dijadikan landasan kajian. Pandangan responden kemudiannya diklasifikasikan sebelum tema jawapan terhasil. Bagi sebarang tema yang didapati mempunyai persamaan atau pertindanan, ia akan digabungkan di bawah tema yang sama.

Pengulangan bacaan dilakukan sehingga penyelidik yakin bahawa ia adalah tema yang paling sesuai untuk menjawab persoalan kajian. Pengulangan juga dibaca bagi tujuan pengesahan dapatan analisis. Bagi menentukan kebolehpercayaan maklumat juga, pengesahan daripada responden dilakukan dalam bentuk semakan semula. Responden diminta untuk menurunkan tandatangan kebenaran menggunakan bahan rakaman sebagai hasil kajian.

5. PERBINCANGAN KAJIAN.

Analisa kajian ini secara terperinci adalah seperti berikut.

5.1 Keperluan Warga Emas

Seterusnya bahagian ini membincangkan mengenai keperluan warga emas. Antara kandungan perbincangan ialah keperluan dari aspek motivasi, tempat tinggal, kerohanian, dorongan kasih-sayang dan keselamatan. Pembentukan sub topik di bahagian ini adalah berdasarkan kepada beberapa kajian berkaitan yang telah dijalankan sebelum ini.

5.2 Keperluan Motivasi

Kebanyakan sarjana penyelidikan yang mengkategorikan fokus kepada motivasi adalah atas perspektif kemanusiaan (Bauer, Park, Montoya & Wayment, 2015). Motivasi merupakan suatu proses kognitif yang mempunyai hubungan dengan cara seseorang individu (Tengku & Fadillah, 2007) untuk mengubah impian "mustahil" ke dalam realiti (Parachin, 1998) dalam meningkatkan prestasi seseorang (Roberts, Horn & Slaughter, 2006) dan secara umumnya adalah tingkahlaku dalam membantu kehidupan yang sebenar (Aydinli et al., 2014).

Pendekatan keperluan hierarki menganggap bahawa manusia mempunyai keperluan yang berbeza boleh disusun dalam bentuk hierarki. Dalam teori keperluan hierarki Abraham Maslow, beliau menyifatkan keperluan manusia yang berbeza dalam lima fasa, yang muncul secara berurutan daripada keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan sosial,

keperluan keyakinan dan keperluan aktualisasi diri. Apabila keperluan peringkat pertama dipenuhi keperluan tahap seterusnya akan menonjol. Dan cara ini jangkaan manusia akan meningkat sehingga ke tahap terakhir yang memerlukan iaitu aktualisasi diri. Seperti teori ini keperluan berpuas hati segera tahap seterusnya dalam hierarki adalah faktor motivasi (Syed, Mohammad & Hoque, 2011). Maka, manusia akan bertindak balas terhadap apa-apa yang berlaku ke atasnya, sama ada bekerja, atau di luar masa bekerja. Tindakan ini biasanya mempengaruhi matlamat yang telah ditetapkan. Sesungguhnya, warga emas juga adalah seorang manusia yang mempunyai keperluannya yang tersendiri. Antara keperluan mereka adalah seperti yang dibincangkan di bawah.

5.3 Keperluan Tempat Tinggal Dan Perkhidmatan

Isu yang akan dibincangkan di dalam sub topik ini merangkumi pandangan daripada pelbagai pihak mengenai bentuk keperluan tempat tinggal kepada warga emas. Secara umumnya tempat tinggal diperlukan bagi memenuhi keperluan warga emas yang berubah ekoran daripada peningkatan penyakit, kekurangan keupayaan fizikal dan ekonomi (Aishah & Fatimah, 2012).

Keperluan tempat tinggal penting untuk warga emas kerana berdasarkan data penyelidikan menunjukkan bahawa terdapat melebihi 1723 penghuni warga emas di 8 buah rumah Sri Kenangan di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 1155 orang merupakan penghuni lelaki dan penghuni wanita pula berjumlah 568 orang. Bilangan yang ramai ini menyebabkan keperluan tempat tinggal yang lebih selesa kepada warga emas dan penyediaan tempat sebegini akan menyebabkan peningkatan kos perbelanjaan. Sebagai contoh menurut Syahrin Ahmad kerajaan Malaysia telah membelanjakan sejumlah perbelanjaan menjaga warga emas meningkat dari setahun ke setahun. Kerajaan membelanjakan sejumlah RM 2 033 360 setahun untuk membiayai makan minum dan perubatan penghuni di semua Rumah Sri Kenangan di seluruh Malaysia. Keperluan tempat tinggal juga perlu kerana perubahan status sosial masyarakat yang semakin tidak mempedulikan warga emas juga menjadi penyebab mengapa ramai warga emas terbiar tidak terjaga. Melihat kepada perangkaan tersebut, wajarlah mengapa pusat penjagaan warga emas menjadi satu keperluan yang penting. Segala kemudahan yang telah disediakan di pusat penjagaan warga emas ini adalah untuk memudahkan urusan hidup dan menggalakkan mereka berdikari. Sekurang-kurangnya, hidup mereka terurus dan masa depan mereka terjamin jika ditempatkan di pusat jagaan atau tempat tinggal tersebut (Syahrin, 2001).

Perbincangan tempat tinggal menunjukkan bahawa warga emas perlu disediakan tempat tinggal yang selesa mengikut tahap kesihatan mereka. Selain itu tempat tinggal ini juga dapat membantu mereka merasa dihargai dalam kehidupan masyarakat.

5.4 Keperluan Kerohanian

Antara salah satu keperluan yang penting oleh warga emas adalah keperluan kerohanian. Hasil penuaan yang berjaya adalah disebabkan faktor kepuasan dalam kehidupan seseorang tersebut (Tomás, Sancho, Galiana & Oliver, 2016). Bagi sesetengah orang, kerohanian itu adalah merasakan kehadiran Tuhan sebagai pusat utama, namun bagi sesetengah yang lain pula kerohanian adalah satu konsep sekular yang memberi fokus kepada diri, melibatkan kepercayaan diri (Mowat & O'Neill, 2013) dan kualiti kehidupan dalaman yang menghubungkan dalam diri sendiri (Musgrave, Carol & Allen, 2002). Kerohanian dapat dikaitkan dengan keagamaan dan ia adalah penting kepada ramai orang dalam masyarakat, malah lebih penting kepada orang dewasa yang lebih tua daripada orang dewasa muda

(Cohen & Koenig, 2003). Majoriti warga emas menghadapi dilema dalam soal kerohanian akibat daripada peningkatan umur (Nelson & Atchley, 2009). Hal ini berikutan dengan kebimbangan bahawa hakikat sesebuah kematian yang semakin menghampiri terutama mereka yang menghidap penyakit kronik dan tidak ada harapan untuk sembuh (Turner & Kelly, 2000).

Kajian Aishah dan Fatimah (2012) mendapati ketidakupayaan diri untuk melakukan ibadah akibat daripada kekurangan fizikal telah menyebabkan sesetengah daripada warga emas semakin menjauhkan diri mereka dari Allah SWT. Ada pula yang berusaha untuk beribadah, namun kerana sudah uzur, solat mereka tidak begitu sempurna kerana sudah lupa bacaan, perbuatan dan tertib di dalam solat tersebut. Ada juga warga emas yang memberi alasan bahawa mereka tidak dapat melakukan atau menunaikan tuntutan agama itu kerana sakit dan mereka merasakan bahawa Islam memberi pengecualian bagi golongan seperti mereka. Rata-rata mereka tidak mempunyai persiapan rohani yang baik untuk melalui hari tua. Ini mungkin dapat juga dikaitkan dengan usia ketika mereka muda yang kurang dari sudut pendidikan, kemiskinan, cara hidup dan budaya yang kurang acuh dan tidak prihatin terhadap pendidikan dan amalan agama menyebabkan ramai warga emas yang tidak mempunyai persediaan kerohanian yang sepatutnya untuk melalui hari tua yang penuh cabaran.

Justeru, aspek kerohanian merupakan satu elemen yang penting bagi membentuk peribadi Muslim dan kerohanian ini membantu warga emas untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang Muslim yang sejati.

5.5 Keperluan Dorongan Dan Kasih Sayang

Mengenai keperluan warga emas, mengikut kajian yang dilakukan oleh Rosnah Ismail dan Habibie Ibrahim (2002), Universiti Malaysia Sabah yang bertajuk Wanita dan Penjagaan Warga Tua: Satu Kajian Awal di Daerah Tuaran, Sabah. Ia menunjukkan sebanyak 12.1 peratus responden memerlukan dorongan dan kasih sayang. Hasil kajian tersebut menunjukkan warga emas berasa diberi perhatian sekiranya sentiasa ada seseorang menemaninya, sentiasa ada orang yang mengambil tahu kebajikannya, sentiasa ada seseorang yang berbual-bual dengannya dan sentiasa dikunjunginya (Rosnah & Habibie, 2002). Menyentuh mengenai keperluan warga emas, ia menunjukkan selain keperluan asas seperti makan, minum, rawatan kesihatan dan ubat-ubatan dan kewangan, yang paling utama sekali warga emas memerlukan dorongan kasih sayang. Keperluan-keperluan asas telah dan boleh disedia dan diberikan oleh pihak kerajaan, swasta, badan-badan sukarela dan keluarga. Tetapi, keperluan penting yang bersifat intrinsik dan melibatkan emosi amatlah penting bagi warga emas serta memerlukan perhatian serius untuk difahami (Fatimah, Rahmah & Fatimah, 2009). Sememangnya di peringkat ini, mereka merasakan diri mereka diabaikan, tidak disayangi dan diambil peduli, disisihkan daripada keluarga (Jal, 2009) yang mungkin menimbulkan perasaan sedih, kemurungan, kesunyian, rendah '*self esteem*' lemah semangat dan sebagainya. Oleh yang demikian, aspek kasih sayang merupakan satu elemen yang penting bagi warga emas di atas faktor usia yang tua tambahan pula pada ketika itu golongan ini mengalami hormon yang kurang stabil serta emosi yang terganggu.

5.6 Keperluan Keselamatan

Selain kemudahan asas seperti makan minum dan peralatan di sekitar tempat penjagaan, perkara yang kita sering kali terlepas pandang ialah mengenai kemudahan atau keperluan keselamatan. Keselamatan ini diambil kira ketika warga emas berada di bilik tidur, di bilik air, susunan perabot, dan sebagainya. Ini kerana ia melihat penting apabila kajian dilakukan

oleh Shalini Sanmargaraja & Seow Ta Wee, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Jabatan Bangunan dan Harta Tanah, UTHM, dalam kajiannya yang bertajuk Pandangan Warga Tua di Rumah Warga Tua: Kajian Kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Bharu. Melalui kenyataan yang dibuat, semua rumah warga emas perlulah dilengkapi dengan penggera keselamatan untuk memastikan keselamatan mereka dan staf yang berada di pusat jagaan atau rumah tersebut. Ini kerana terdapat juga insan yang tidak bertanggungjawab pecah masuk dalam premis kebajikan untuk melakukan perkara yang tidak wajar seperti mencuri dan sebagainya. Maka, mereka perlu disediakan fasiliti untuk mewujudkan keadaan di mana warga emas dapat bergerak dengan sendiri tanpa bantuan daripada orang lain, selamat dan aktif. Antara fasiliti yang terdapat dalam elemen ruwang adalah seperti tempat letak kereta khas, tandas, klinik, dapur, tempat dobi, ampaian pakaian, dewan pertemuan dan tempat perhentian bas. Fasiliti yang terdapat dalam elemen kemudahan sokongan adalah seperti katil, almari, kerusi roda, tongkat, papan tanda kenyataan, tanda tunjuk arah, tandaamaran, papan tanda khas, bangku atau tempat duduk fixed ataupun built-in dan longkang atau parit (Shalini & Seow, 2013).

6. DAPATAN KAJIAN

6.1 Keperluan Warga Emas Di Pondok Rahmaniah Lubuk Tapah

Pengkaji telah mengeluarkan isi-isi penting hasil dari temubual dan mengklasifikasinya mengikut tema-tema yang sesuai. Tema-tema ini adalah berdasarkan kepada empat kumpulan responden yang membentuk keseluruhannya. Terdapat tujuh tema yang terkandung di dalam objektif pertama ini iaitu, kewangan, ilmu, ketenangan jiwa, berjemaah, kemudahan, kebajikan dan aktiviti. Namun demikian bagi tujuan penjelasan dapatan mengikut kumpulan responden berbeza tersebut, pengkaji akan menentukan bilangan tema yang bersesuaian bagi kumpulan masing-masing.

6.2 Penyelia

Sebagai penyelia yang menguruskan hal-hal pondok, kebanyakan warga emas yang memilih untuk tinggal di pondok adalah disebabkan faktor kewangan. Kebiasaannya, kes ini merujuk kepada warga emas yang tidak berkeluarga atau dibiarkan oleh ahli keluarga. Oleh yang demikian, warga emas yang mempunyai masalah kewangan akan mengambil keputusan untuk duduk di pondok kerana di sana keperluan sara hidup telah disediakan oleh pihak pondok seperti yang dinyatakan oleh penyelia "*Segi kewangan*" (Penyelia, Kelantan, 4).

Berdasarkan pernyataan di atas, menunjukkan cabaran kewangan merupakan salah satu faktor utama yang menjadi isu penting dalam pendidikan. Kekurangan kewangan menjadikan perjalanan kehidupan terbatas seperti apa yang dinyatakan oleh penyelia dari pondok Kelantan.

Di pondok terdapat pelbagai jenis ilmu yang telah disediakan terutamanya dalam bab-bab yang melibatkan agama berbanding di pusat-pusat jagaan warga emas. Kebanyakan warga emas yang memilih untuk tinggal di pondok adalah untuk menuntut ilmu. Tambahan pula bagi mereka yang sebelum ini pada usia muda tidak mempelajari bidang-bidang agama. Oleh yang demikian, dengan baki umur yang ada ini, golongan warga emas ingin memanfaatkan untuk mencari ilmu agama seperti yang dinyatakan oleh penyelia "*ada yang tak tahu langsung. Setengah tu ada yang berumur 60 tahun lebih tapi tak tahu langsung membaca Al-Quran*" (Penyelia, Kelantan, 5).

Berdasarkan temubual di atas, responden menjelaskan bahawa warga emas yang tinggal di pondok datang dari pelbagai latarbelakang. Tambahan pula, terdapat warga emas yang tidak mengetahui tentang hal-hal agama seperti walaupun sudah menjangkau usia 60 tahun namun masih tidak dapat membaca Al-Quran.

Kesimpulan bagi keperluan warga emas terhadap pondok dari pihak penyelia, terdapat enam tema dari tujuh tema yang telah dikeluarkan iaitu kewangan, ilmu, ketenangan jiwa, berjemaah, kemudahan dan kebajikan.

6.3 Warga Emas

Kebanyakan warga emas memerlukan kehidupan di pondok adalah rata-ratanya ***“Saja la nak belajar-belajar yang tak tahu tu..ada banyak yang kita tak tahu kita dulu bodoh dulu”*** (Pakcik 1, Kelantan, 6).

Berdasarkan temubual responden-responden di atas mengenai warga emas terhadap pondok dari sudut ilmu, pengkaji mendapati bahawa terdapat dua tujuan utama warga emas memilih untuk tinggal di pondok iaitu kerana kekurangan ilmu agama sebelum ini dan mengisi waktu yang ada dengan perkara-perkara yang bermanfaat.

Menerusi temubual bersama warga emas, pengkaji mendapati bahawa jiwa mereka lebih tenang tinggal di pondok. Warga emas bebas melakukan sebarang aktiviti terutamanya dalam mengerjakan ibadah kerana tiada gangguan yang datang dari keadaan sekeliling. Selain itu, di pondok, warga emas tidak akan memikirkan hal-hal di luar seperti keluarga, mereka lebih menumpukan untuk mengerjakan ibadah dan menuntut ilmu. Dari sini, ketenangan tinggal di pondok telah wujud dalam diri warga emas.

Di pondok ini, terdapat pelbagai infrastruktur iaitu terdiri daripada tiga bangunan utama dengan pecahan di lokasi-lokasi yang tertentu iaitu Masjid, Madrasah dan Asrama pelajar. Masjid Pondok Lubuk Tapah terletak bertentangan dengan rumah tuan guru dan merupakan pusat bagi aktiviti ilmu dan ibadat dimana sebahagian besar daripada kelas-kelas pengajian diadakan di Masjid ini. Kelas pengajian tuan guru sendiri semuanya diadakan di Masjid ini. Disamping menjadi tempat perhimpunan pelajar-pelajar pondok dan penduduk mukim Lubuk Tapah mengerjakan solat berjemaah dan jumaat, pelbagai program sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul dan Isra' mikraj turut diadakan disini.

Manakala madrasah pula terdapat tiga buah. Ia dijadikan tempat kuliah-kuliah pengajian kitab oleh tenaga-tenaga pengajar. Madrasah Al-Rahmaniah yang merupakan madrasah utama terletak disebelah Masjid berhadapan dengan Rumah Tuan Guru. Tapak Madrasah ini adalah tempat asal mula-mula kegiatan pengajian kitab dan solat berjemaah dibuat sejak dari awal penubuhan Pondok Lubuk Tapah, sebelum Masjid Lubuk Tapah dibina. Madrasah dua dan tiga pula terletak didalam kawasan asrama pelajar lelaki dan turut dijadikan tempat untuk mengadakan kelas-kelas pengajian dan aktiviti pondok. Begitu juga pondok ini menyediakan asrama pelajar termasuk kepada warga emas. Tingkat bawah pula dihuni oleh warga emas wanita. Selain itu terdapat juga rumah-rumah kayu yang terletak berselerakan di sekitar rumah tuan guru yang didiami oleh pelajar yang sudah berkahwin dan juga warga emas lelaki dan wanita. (<https://epondok.wordpress.com/category/pondok-lubuk-tapah>)

6.4 Imam

Mengajar ilmu-ilmu agama kepada masyarakat awam adalah menjadi satu kewajipan bagi seorang imam. Bagi seorang imam “*Mengaji itu ibadat , dekatkan diri dengan akhirat nak mati ni elok lah solat berjemaah*” (Imam, Kelantan, 1).

Berdasarkan temubual di atas, pengkaji mendapati bahawa imam menjelaskan pengajian itu adalah satu ibadat. Selain itu, faktor usia menyarankan untuk warga emas lebih mempelajari ilmu-ilmu agama supaya menjadi bekalan di akhirat nanti disamping mendirikan ibadah-ibadah khususnya solat secara berjemaah.

Disamping itu, sebagai seorang imam, keperluan warga emas terhadap pondok adalah penting bagi seseorang manusia tidak mengira usia. Hal ini kerana, dengan mempelajari ilmu-ilmu agama “*ia mendekati diri kepada Allah*” (Imam, Kelantan, 1).

Menurut imam, keperluan warga emas terhadap pondok adalah merupakan asas yang penting kerana melalui proses menuntut ilmu, seseorang itu dapat mendekati diri kepada Allah dengan menghayati dan beramal dengan ilmu-ilmu tersebut.

7. RUMUSAN

Kitaran kehidupan manusia bermula dari bayi, remaja, dewasa dan tua sudah tentu akan berhadapan dengan rintangan terutamanya kepada golongan warga emas. Golongan warga emas ini menghadapi pelbagai cabaran dan kesulitan dalam kehidupan sedangkan mereka masih diperlukan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, perlu disediakan satu institusi yang dapat membantu mereka menghadapi pelbagai cabaran dan kesulitan hidup tersebut. Antara institusi yang bersesuaian kepada warga emas adalah pondok, ini kerana kebanyakan warga emas di Malaysia memilih pondok untuk meneruskan kehidupan mereka. Keperluan warga emas terhadap pondok adalah merupakan asas yang penting. Bagi warga emas, tempat yang terbaik untuk pengisian rohani adalah di pondok kerana di sana mereka disediakan santapan rohani untuk bekalan akhirat. Antara keperluan-keperluan yang diperlukan oleh warga emas iaitu keperluan motivasi, tempat tinggal dan perkhidmatan, kerohanian, dorongan dan kasih sayang serta keselamatan. Manakala kajian lapangan di Pondok Lubuk Tapah, pengkaji mendapati tujuh tema iaitu, kewangan, ilmu, ketenangan jiwa, berjemaah, kemudahan, kebajikan dan aktiviti. Ini menunjukkan pelbagai keperluan yang wujud dan menjadi faktor keberadaan warga emas di pondok.

8. RUJUKAN

Buku dan Jurnal

- Aishah & Fatimah, 2012. Warga Tua Melayu Dipinggir Wilayah Metropolitan, Selangor: Pengalaman Dan Persepsi Diri. Malaysia Journal Of Society And Space, 8(6), 1-14.
- Anon .2003. Maklumat Pondok Lubuk Tapah. <https://epondok.wordpress.com/category/pondok-lubuk-tapah>
- Anon. Cabaran negara tangani masyarakat warga tua. (3 April, 2015). Diakses 11 Julai, 2016, dari Malaysiakini: <https://www.malaysiakini.com/news/294177>
- Aydinli, A., Bender, M., Chasiotis, A., Cemalcilar, Z., Van De Vijver, Fons J, &, R. (2014). When Does Self-Reported Prosocial Motivation Predict Helping? The Moderating Role Of Implicit Prosocial Motivation. Motivation And Emotion, 38(5), 645-658.

- Bauer, J. J., Park, S. W., Montoya, R. M., & Wayment, H. A. (2015). Growth Motivation Toward Two Paths Of Eudaimonic Self-Development. *Journal Of Happiness Studies*, 16(1), 185-210.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006) Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*. University of the West of England, Bristol.
- Cohen, A. B., & Koenig, H. G. (2003). Religion, religiosity and spirituality in the biopsychosocial model of health and ageing. *Ageing International Journal*, 28(3), 215-241.
- Fatimah Ladola, Rahmah Mohd Amin & Fatimah Abdullah (2009). Penjaga Wanita Bagi Warga Tua Pesakit Strok Di Bandar. *Malaysian Jurnal Of Social Administration*. 6, 57-72.
- Jal Zabdi (2009). Jenayah Dalam Keluarga: Penderaan Dan Pengabaian Warga Tua Di Malaysia. *International Conference On Corporate Law (Iccl)*. Fakulti Undang-Undang; Universiti Malaya.
- Mowat, H., & O'Neill, M. (2013). Spirituality And Ageing: Implications For The Care And Support Of Older People. *The Institute For Research And Innovation In Social Services (Iriss)*. M/s: 3.
- Musgrave, C. F., Carol, E. A., & Allen, G. J. (2002). Spirituality And Health For Women Of Color. *American Journal Of Public Health*, 92(4), 557-60.
- Nelson-Becker, H., & Atchley, R. C. (2009). Spirituality And Aging. *Canadian Journal On Aging*, 28(4), 404-405.
- Roberts, J. A., Il-Horn Hann, & Slaughter, S. A. (2006). Understanding The Motivations, Participation, And Performance Of Open Source Software Developers: A Longitudinal Study Of The Apache Projects. *Management Science*, 52(7), 984-999.
- Rosnah Ismail & Habibie Ibrahim. (2002). Wanita Dan Penjagaan Warga Tua: Satu Kajian Awalan Di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Jil 4&5.
- Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Safinah Ismail. Faktor Pemilihan Pondok Oleh Warga Emas: Kajian Di Pondok Yayasan Al-Jenderami, Selangor Dan Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan *Jurnal Pengajian Islam* , Fakulti Pengajian Peradaban Islam Bil 9, Isu II: 2016
- Shalini Sanmargaraja & Seow Ta Wee. Pandangan Warga Tua Di Rumah Warga Tua: Kajian Kes Di Bandaraya Ipoh Dan Johor Bahru. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4*. Fakulti Sains Kemanusiaan; Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Syahrin bin Ahmad (2001). Rekabentuk Persekitaran Pusat Penjagaan Warga Tua, Kajian Kes: rumah Sri Kenangan Cheras. *Fakulti Senibina; Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Tengku & Fadillah*, 2007
- Tomás, J.M., Sancho, P., Galiana, L., & Oliver, A. A Double Test On The Importance Of Spirituality, The "Forgotten Factor", In *Successful Aging. Social Indicators Research*, 127(3), 1377-1389.
- Turner, J., & Kelly, B. (2000). Emotional dimensions of chronic disease. *Western Journal of Medicine*, 172(2), 124-128.
- Welsh, Elaine. (2002). Dealing with Data: Using NVivo in the Qualitative Data Analysis Process. *Dlm. Forum: Qualitative Social Research*. Vol. 3, No. 2, Art. 26. May 2002.

Tembual

PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGAJIAN ISLAMIYYAT KALI KE-3 (IRSYAD2017)
3rd INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIYYAT STUDIES (IRSYAD2017)
المؤتمر الدولي الثالث للدراسات الإسلامية (IRSYAD2017)

Tembual bersama penyelia, Kelantan, 4 pada 11 Januari 2016 (Isnin) jam 10.30
Tembual bersama penyelia, Kelantan, 5 pada 11 Januari 2016 (Isnin) jam 10.30
Tembual bersama Pakcik 1, Kelantan, 6 pada 11 Januari 2016 (Isnin) jam 10.30
Tembual bersama Imam, Kelantan, 1 pada 11 Januari 2016 (Isnin) jam 11.30